

**Generasi Y Perlu Bijak Pilih Kepimpinan Negara - Adnan Yaakob
Bernama
25 September, 2012**

BENTONG, 25 Sept (Bernama) -- Generasi Y atau golongan muda di Malaysia perlu memberi pertimbangan wajar dalam memilih kepimpinan negara pada pilihan raya umum akan datang, kata Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob.

Beliau berkata kerajaan sedia ada ketika ini sentiasa mengambil pendekatan mendengar dan menerima pandangan golongan itu selain melaksanakan pelbagai program dan memenuhi hasrat mereka.

"Tiada sebab sebenarnya generasi muda menolak kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang semata-mata terpengaruh dengan dakyah dan fitnah pembangkang.

"Generasi muda terutamanya pelajar universiti selalunya dikaitkan sokongan terhadap pembangkang dan trend ini berlaku di hampir semua universiti di seluruh dunia," katanya kepada pemberita selepas menghadiri program bersama masyarakat Benus, dekat sini Selasa.

Beliau berkata golongan berkenaan perlu bijak serta waras dan tidak mudah terpengaruh dengan dakyah pihak tertentu yang memburukkan kerajaan ketika ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697152>